

08/02/1998

MOM tunggu tarikh pra-Komanwel

Hussain Said

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) mahu Sukom Nienty Eight Berhad (Sukom '98) menetapkan tarikh sebenar kejohanan pra-sukan Komanwel yang dijadualkan pada Jun, selewat-lewatnya penghujung bulan ini.

Setiausaha MOM, Sieh Kok Chi, berkata penetapan tarikh lebih awal membolehkan persatuan sukan yang terbabit meminda beberapa program dan jadual yang sudah disusun sebelum ini.

"MOM menyambut baik cadangan Perdana Menteri tetapi Sukom '98 harus memutuskan secepat mungkin tarikh kejohanan pra-sukan Komanwel itu berikutan beberapa persatuan mungkin menghadapi masalah.

"Bagaimanapun, MOM percaya perbincangan Sukom '98 dengan persatuan sukan terbabit nanti mampu mencapai kata sepakat untuk memilih tarikh yang sesuai," katanya semalam.

Khamis lalu, ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Sukan Komanwel, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kejohanan pra-Sukan Komanwel diadakan serentak di lima gelanggang utama Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil.

Ia bagi memastikan semua peralatan yang dipasang di gelanggang itu, termasuk sistem pengangkutan serta gerak kerja pegawai teknikal dan sukarelawan, berjalan lancar tanpa sebarang masalah sebelum Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI bermula September ini.

Justeru, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, mencadangkan tarikh terbaik menganjurkan kejohanan pra-Sukan Komanwel secara serentak ialah pada Jun kerana ketika itu sistem pengangkutan LRT ke Kompleks Sukan Bukit Jalil dijangka siap untuk diuji penggunaannya.

Malah, cadangan Perdana Menteri itu disambut baik di kalangan persatuan terbabit, kelmarin.

Menurut Kok Chi, mungkin ada beberapa persatuan seperti Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) sudah menghantar jemputan untuk atlit luar negara menyertai kejohanan yang sudah ditetapkan tarikhnya pada pertengahan Mei.

"Malah, ada beberapa persatuan turut berdepan kesulitan sekiranya tarikh sebenar lewat ditetapkan kerana atlit mereka turut terbabit dalam pertandingan antarabangsa, Jun nanti," katanya.

Bagaimanapun, Kok Chi mengulangi saranan Muhyiddin supaya persatuan terbabit menganjurkan kejohanan pra-sukan Komanwel itu secara sederhana dengan tujuan utama menguji gelanggang sekali gus menjimatkan kos.

"Kita cuma mahu menguji gelanggang dan sistem yang ada. Cukuplah kejohanan pra-sukan Komanwel itu digantikan dengan Kejohanan Terbuka Malaysia serta dihadiri negara-negara Asean.

"Tetapi sekiranya mereka ada peruntukan mencukupi, terpulang kepada mereka. MOM hanya berharap peruntukan yang ada digunakan sebaik mungkin, terutama dalam persiapan atlit menghadapi temasya itu," katanya.

(END)